



**PENYAMPAIAN HADIAH BAGI
KUIZ “GUESS HOW MANY COINS”
SEMPENA HARI AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM 2015**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBBD) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah bagi kuiz “Guess How Many Coins” pada hari Selasa, 16 Jun 2015 di Galeri Matawang AMBD, Bangunan BCMB, Kompleks Kementerian Kewangan, Jalan Commonwealth Drive.
2. Majlis ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya, ucapan alu-aluan daripada wakil AMBD, penyampaian hadiah kepada pemenang kuiz dan sesi bergambar.
3. YM Awang Shahib bin Haji Ibrahim telah memenangi kuiz tersebut dengan tekaan 10,728 keping duit syiling 10 sen berbanding jumlah sebenar iaitu 10,699 keping.
4. Sebanyak 1,404 penyertaan telah diterima bagi kuiz tersebut yang telah diadakan semasa acara Hari AMBD di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 28 hingga 30 Mei 2015 yang lalu.
5. Hadir di majlis tersebut ialah beberapa pegawai dan kakitangan AMBD.
6. Galeri Matawang AMBD dibukakan kepada orang ramai di bulan Ramadhan ini pada hari Isnin hingga Khamis jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang dan hari Juma’at jam 8.30 hingga 10.30 pagi.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 5 Ramadhan 1436H/ 22 Jun 2015

Rujukan: AMBD/COMMS/5